


AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : PESONA



JEMAAH haji dan umrah perlu mengambil suntikan vaksin sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tiba di Tanah Suci. — Gambar hiasan



MEMAKAI topeng muka dapat membantu mencegah penyebaran penyakit yang berpunca daripada sistem pernafasan. — Gambar hiasan

Suntikan vaksin untuk jemaah umrah

MEDIK

INFO

Symptom Meningokokus

- Meningitis**
- Demam pada suhu tinggi
 - Sakit kepala
 - Loya atau muntah
 - Sensitif terhadap cahaya
 - Meracau
- Septisemia**
- Demam pada suhu tinggi
 - Sensi asa leth
 - Loya atau muntah
 - Sakit-sakit badan
 - Cirit-birit
 - Ruam berwarna ungu

MENJADI kelaziman, umat Islam yang berkemampuan di negara ini mengambil peluang musim cuti persekolahan untuk mengerjakan ibadat umrah bersama ahli keluarga di tanah suci.

Selain persediaan kelengkapan ibadat seperti telekung, kain ihram dan barangan keperluan diri, persiapan daripada sudut kesihatan juga diperlukan bagi menjamin kesempurnaan amalan serta memperoleh umrah yang mabrur.

Dalam hal ini, pengambilan suntikan vaksin meningokokus kuadrivalen merupakan antara syarat wajib untuk bakal jemaah mendapat kelulusan visa.

Ini kerana perhimpunan besar umat Islam dari seluruh dunia untuk mengerjakan ibadat itu boleh meningkatkan risiko mereka mendapat jangkitan yang membawa maut seperti wabak penyakit meningokokus.

Ia merupakan penyakit radang pada bahagian meninges iaitu selaput otak dan saraf tunjang yang boleh membawa maut.

Oleh sebab itu, sejak tahun 1988, kerajaan Arab Saudi telah mewajibkan bakal-bakal haji dan umrah mendapatkan

vaksin tersebut.

Pakar Perunding Kanan Respiratori Hospital Kuala Lumpur, Datuk Dr. Abdul Razak Abdul Muttalif berkata, penyakit disebabkan bakteria *Neisseria meningitides* itu boleh menyebabkan

komplikasi serius seperti radang selaput otak dan saraf tunjang atau meningitis.

"Ia juga boleh menjadi punca berlakunya septisemia atau jangkitan kuman dalam darah. Situasi ini boleh menyebabkan risiko kecacatan kekal, pekak, kecacatan saraf dan kehilangan anggota badan.



ABDUL RAZAK



MOHD. SUHAIMI

Merebak

"Dalam hal ini, kadar risiko kematian bagi kedua-dua komplikasi itu masing-masing mencecah sehingga

10 peratus dan 40 peratus," ujarnya dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan Immuni4Life di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bekas Ketua Pasukan Perubatan Tabung Haji itu menambah, bakteria tersebut merebak melalui cecair saluran pernafasan apabila jemaah bersin, batuk, berkongsi garfu, sudu dan sebagainya.

Sebahagian individu yang terdedah kepada bakteria itu akan mendapat penyakit manakala sebahagian lagi menjadi pembawa bakteria



LAUTAN jemaah membanjiri Masjid Nabawi di Madinah iaitu salah satu masjid yang menjadi tumpuan umat Islam dari seluruh dunia. — Gambar hiasan

tersebut.

Ini kerana ia mudah merebak apabila terdapat terlalu ramai orang yang menetap atau berkumpul di satu-satu kawasan.

Pensyarah Perubatan dan Penyelidik Kesihatan Jemaah Haji, Dr. Mohd. Suhaimi Ab. Wahab berkata, kajian sebelum vaksin diwajibkan mendapati peratusan pembawa kuman meningokokus meningkat daripada 2.6 peratus kepada 53 peratus selepas jemaah mengerjakan ibadat di Tanah Suci.

"Jemaah menjadi pembawa bakteria meningokokus bukan sahaja membahayakan diri sendiri tetapi mengancam individu di sekeliling mereka

terutamanya golongan berisiko tinggi seperti pesakit kronik dan kanak-kanak berusia bawah lima tahun apabila pulang ke negara masing-masing.

"Oleh sebab itu, pemberian vaksinasi seumpamanya penting untuk melindungi diri dan masyarakat," ujar anggota Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia itu.

Mohd. Suhaimi berkata, mengikut garis panduan daripada kerajaan Arab Saudi, jemaah perlu menghantar sijil pengesahan pengambilan vaksin itu dan ia hanya sah dalam tempoh tiga tahun.

Vaksin juga perlu diambil sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tarikh ketibaan di Tanah Suci.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : UTUSAN KOTA

70 kanak-kanak berkhatan di Hospital Melaka

MELAKA 7 Dis. - Seramai 70 kanak-kanak menyertai majlis berkhatan anjuran Bahagian Penyeliaan Hospital Melaka di pekarangan lobi hospital tersebut di sini baru-baru ini.

Pengarah Hospital Melaka, Dr. Hatijah Mohd. Tan berkata, program khidmat komuniti hospital itu bertemakan 'Berkhatan Kunci Kesihatan Ummah'.

Menurutnya, program dengan kerjasama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Melaka, Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia Melaka, Pengurusan Hospital Melaka dan Kelab Perubatan Hospital Melaka itu bakal menjadi aktiviti tahunan setiap cuti persekolahan.

"Program berkhatan kali kedua ini terdiri daripada anak-anak kakitangan hospital ini, anak-anak anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), anak-anak yatim dan anak-anak dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan.



PASANGAN kembar, Faqru Alif (dua dari kiri) dan Faqru Iman Mohd Fairus, 10, berswafoto bersama bapa mereka, Mohd Fairus Ishak (dua dari kanan) dalam program komuniti Hospital Melaka, baru-baru ini. - UTUSAN/AZLI AHAD

"Seramai 10 orang Penolong Pegawai Perubatan dipilih untuk menjalankan tanggungjawab mengkhatakan kanak-kanak ini. Mereka telah dilatih oleh Jabatan Pembedahan Hospital

Melaka," katanya selepas merasmikan program tersebut.

Tambahnya, kesemua kanak-kanak terlibat terlebih dahulu disiramkan dengan air pancutan oleh JBPM untuk mengurangkan

rasa gemuruh mereka.

"Ini sebagai acara simbolik untuk meredakan keadaan juga memeriahkan suasana tradisi berkhatan yang biasanya dilakukan masyarakat Melayu.

"Saya berharap program ini dapat memberikan sumbangan yang besar buat masyarakat dan dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.

Pada masa sama katanya, beliau menegaskan, program tersebut amat bermakna dan mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

"Saya memandang penting terhadap penganjuran program khidmat komuniti kerana di sinilah dasar jaringan sosial antara pihak kerajaan dan masyarakat dapat dibentuk.

"Secara tidak langsung, ia dapat menyahut hasrat dan usaha kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat di samping meningkatkan semangat kekeluargaan serta mengukuhkan lagi ikatan perpaduan," ujarnya.